

YONG SHUI TIAN v MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN

CaseAnalysis
| [2025] MLJU 380

Yong Shui Tian lwn Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan [2025] MLJU 380

Malayan Law Journal Unreported

MAHKAMAH TINGGI (ALOR SETAR)

ARIK SANUSI YEOP JOHARI H

GUAMAN NO KA-23NCvC-7-12 TAHUN 2020

25 January 2025

Lily Chua (Tseng Seng dan Farah Farhana bersamaya) (Lily Chua & Assoc) bagi pihak plaintif.
Ahmad Fadzli bin Abdul Salam (Tawfeek Badjenid & Partners) bagi pihak defendan.

Arik Sanusi Yeop Johari H:

PENGHAKIMAN

PENDAHULUAN

[1] Dalam kes ini, setelah suatu perbicaraan penuh dijalankan dan setelah Mahkamah ini meneliti, menilai dan mempertimbangkan kesemua pliding, keterangan lisan dan dokumentar dalam kes ini serta hujahan dan nas undang-undang yang dikemukakan dalam Mahkamah ini, Mahkamah ini berpuas hati dan mendapati Plaintiff telah gagal membuktikan kesnya atas imbalan kebarangkalian. Oleh itu, Mahkamah ini telah memutuskan bahawa tuntutan Plaintiff terhadap Defendan ditolak dengan kos sebanyak RM10,000.00.

[2] Plaintiff yang tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah ini telah merayu terhadap keputusan tersebut. Alasan Mahkamah ini adalah seperti di bawah.

FAKTA DAN LATAR BELAKANG KES2

[3] Plaintiff adalah seorang warganegara Malaysia yang cukup umur dan mempunyai alamat penyampaian di No. 464, Jalan SK 7/1, 43300 Seri Kembangan, Selangor.

[4] Defendan merupakan Pihak Berkuasa Tempatan seperti yang dimaksudkan dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] dan mempunyai alamat penyampaian di Majlis Perbandaran Langkawi, Bandaraya Pelancongan, 07000 Kuah, Langkawi, Kedah.

[5] Dalam Writ Saman seperti di Lampiran 1 dan Pernyataan Tuntutan Terpinda seperti di Lampiran 12, Plaintiff telah menuntut perintah-perintah berikut daripada Defendan, iaitu –

- (a) bahawa Defendan membayar ganti rugi khas sebanyak RM4,594,577.42 kepada Plaintiff dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh penghakiman/perintah;

- (b) bahawa Defendan membayar ganti rugi am yang ditaksirkan oleh Mahkamah Yang Mulia ini kepada Plaintiff dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh penghakiman/perintah;
- (c) bahawa Defendan membayar ganti rugi teruk (*aggravated damages*)/ganti rugi teladan (*exemplary damages*) yang ditaksirkan oleh Mahkamah Yang Mulia ini kepada Plaintiff dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh penghakiman/perintah;
- (d) kebebasan untuk memohon pelaksanaan penghakiman/perintah ini;
- (e) faedah yang ditetapkan oleh Mahkamah Yang Mulia ini setahun ke atas jumlah ganti rugi di perenggan-perenggan (a), (b) dan (c) dari tarikh pemfailan tindakan ini sehingga tarikh penghakiman/perintah menurut seksyen 11 Akta Undang-Undang Sivil 1956;
- (f) faedah pada kadar 5% setahun ke atas hutang penghakiman dari tarikh penghakiman/perintah sehingga penyelesaian penuh menurut Aturan 42 kaedah 12 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012;
- (g) kos;
- (h) faedah pada kadar 5% setahun dikira atas kos dari tarikh penghakiman/perintah sehingga penyelesaian penuh menurut Aturan 59 kaedah 24 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012; dan
- (i) apa-apa relif lain yang Mahkamah yang Mulia ini fikirkan patut dan munasabah.

[6] Semasa perbicaraan penuh tindakan ini, Plaintiff telah mengemukakan tiga orang saksi, iaitu Nor Sherizan binti Darus (Pegawai Meteorologi – SP1), Plaintiff (SP2) dan Goh Hong Huat (Pakar Ortopedik Hospital Ampang – SP3). Defendan pula telah mengemukakan dua orang saksi, iaitu Mohd Fatkhy bin Mohd Jamil (Pegawai Undang-Undang Defendan – SD1) dan Siti Aisyah binti Mohd Taib (Pegawai Perancang Bandar dan Desa Defendan –SD2).

Kes Plaintiff

[7] Dalam tindakan ini, Plaintiff telah memplidkan, mengemukakan keterangan dan menghujahkan bahawa kemalangan yang menimpa Plaintiff tersebut adalah diakibatkan sepenuhnya atau disumbangkan oleh Defendan sebagai Pihak Berkuasa Tempatan kerana kegagalan dan/atau ketinggalan (*omission*) Defendan untuk menjalankan kuasa yang diperuntukkan dalam statutori dan/atau tindakan mengingkari (*breach*) kewajipan statutori (*statutory duty*).

[8] Menurut Plaintiff, Defendan telah mengingkari kewajipan statutorinya dan butir-butir keingkaran dan/atau keabaian kewajipan statutori Plaintiff adalah seperti yang berikut:

- (a) gagal menjalankan kuasa yang diperuntukkan di bawah seksyen 101(b) Akta Kerajaan Tempatan 1976 untuk memangkas atau membuang pokok-pokok yang membahayakan keselamatan orang-orang awam termasuk Plaintiff di persekitaran kawasan Pantai Chenang;
- (b) gagal menjalankan kuasa yang diperuntukkan di bawah seksyen 101(c) Akta Kerajaan Tempatan 1976 seperti berikut:
 - (i) menyelenggara, menyelia dan mengawal tempat bercuti di persekitaran kawasan Pantai Chenang;
 - (ii) menyusun atur, menyelenggara dan menanam pokok di tanah bagi maksud digunakan sebagai tempat terbuka dan/atau tempat bercuti; dan
- (c) gagal menjalankan kuasa yang diperuntukkan di bawah seksyen 101(cc) Akta Kerajaan Tempatan 1976 dengan menghendaki pemunya atau penduduk mana-mana premis menghapuskan, merendahkan atau memangkas dengan memuaskan hati pihak berkuasa tempatan pokok-pokok di persekitaran kawasan Pantai Chenang yang membahayakan keselamatan atau kesenangan awam.

[9] Plaintiff selanjutnya telah memplidkan, mengemukakan keterangan dan menghujahkan bahawa kemalangan tersebut berlaku kerana kegagalan, keabaian dan/atau kecuaiian Defendan dan/atau ejen-ejen atau pekerja-pekerja untuk memastikan persekitaran yang selamat di kawasan persiaran dan pelancongan Pantai Chenang kepada orang-orang awam termasuk Plaintiff. Butir-butir kecuaiian Defendan adalah seperti yang berikut:

- (a) gagal mengambil langkah-langkah praktik dan wajar untuk mengelakkan pokok-pokok di bawah jagaan, kawalan dan/atau penyeliaan mendatangkan kecederaan kepada orang awam;
- (b) gagal menyelenggara pokok kelapa tersebut di Pantai Chenang yang merupakan pusat pelancongan kesukaan ramai;

- (c) membenarkan pokok kelapa dalam keadaan terbiar sehingga menjadi satu punca bahaya atau ancaman keselamatan terhadap orang-orang awam;
- (d) menyebabkan atau membenarkan pokok kelapa untuk menjadi satu punca bahaya dan perangkap kepada pelancong-pelancong/pengguna-pengguna termasuk Plaintiff;
- (e) menyebabkan atau membiarkan pokok kelapa terjatuh ke atas Plaintiff yang sedang bersiar-siar di tepi Pantai Chenang;
- (f) menyebabkan atau membenarkan pokok kelapa dalam keadaan terbiar apabila Defendan ketahui atau harus mengetahui bahawa ianya adalah bahaya dan satu perangkap kepada pelancong-pelancong/pengguna-pengguna termasuk Plaintiff;
- (g) mendedahkan Plaintiff kepada risiko kecederaan yang mana Defendan tahu atau seharusnya mengetahui;
- (h) membiarkan pokok kelapa yang Defendan tahu atau sepatutnya mengetahui ia boleh membawa kecederaan kepada pelancong-pelancong/pengguna-pengguna termasuk Plaintiff;
- (i) gagal menyelenggara pokok kelapa di Pantai Chenang;
- (j) gagal memberi Plaintiff hak laluan;
- (k) gagal memastikan bahawa ejen atau pekerja-pekerja Defendan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menebang pokok kelapa tersebut;
- (l) meletakkan Plaintiff dalam satu keadaan kecemasan yang tidak memberikan beliau sebarang kesempatan untuk mengelak kemalangan tersebut;
- (m) dengan cuainya membiarkan pokok kelapa menghempap Plaintiff dan mangsa-mangsa lain;
- (n) gagal memastikan keselamatan pelancong-pelancong/ pengguna-pengguna termasuk Plaintiff;
- (o) mengakibatkan kemalangan tersebut; dan
- (p) gagal memotong pokok kelapa yang mudah jatuh yang mana boleh membahayakan pelancong-pelancong/pengguna-pengguna termasuk Plaintiff.

[10] Oleh itu, Plaintiff telah menuntut terhadap Defendan perintah-perintah seperti yang dinyatakan dalam perenggan 5 di atas.

Kes Defendan

[11] Defendan dalam Pembelaan Terpinda (Lampiran 16), keterangan dan hujahannya, *inter alia*, telah memplidkan, mengemukakan keterangan dan menghujahkan bahawa kewajipan pihak berkuasa tempatan seperti mana dalam peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 adalah tidak mutlak (*not absolute*) dan ia adalah tertakluk kepada fakta-fakta tertentu yang perlu dibuktikan oleh Plaintiff semasa perbicaraan.

[12] Defendan juga telah memplidkan dan mengemukakan keterangan bahawa peruntukan undang-undang dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 juga tidak memperuntukkan kewajipan yang ketat dan terlampau tinggi ke atas pihak berkuasa tempatan seolah-olah ia suatu kewajipan statutori.

[13] Defendan selanjutnya telah memplidkan, mengemukakan keterangan dan menyatakan bahawa Defendan telah menjalankan tanggungjawab penyelenggaraan dan penjagaan pokok-pokok di seluruh Bandaraya Langkawi seperti mana yang digariskan dan diperuntukkan oleh undang-undang sedia ada.

[14] Defendan juga telah bergantung kepada doktrin *volenti non fit injuria* dan telah memplidkan dan menghujahkan bahawa Plaintiff sendiri yang telah mendedahkan dirinya dalam keadaan bahaya semasa berada di bawah pokok kelapa di tempat kejadian tersebut. Butir-butir kecuaian Plaintiff adalah seperti yang berikut:

- (a) gagal mengambil langkah berjaga-jaga apabila berada di kawasan pantai ketika angin kencang;
- (b) gagal memastikan beliau berada di kawasan yang selamat dan terlindung daripada kejadian pokok tumbang tersebut;
- (c) gagal untuk menjaga keselamatan diri di kawasan pantai; dan
- (d) gagal mengambil tindakan sewajarnya untuk mengelak daripada kejadian pokok tumbang tersebut;

[15] Oleh itu, Defendan memohon agar tuntutan Plaintiff ditolak dengan kos.

ISU UNDANG-UNDANG YANG BERBANGKIT

[16] Isu undang-undang yang berbangkit dalam tindakan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) sama ada terdapatnya kewajipan statutori dan/atau kewajipan berhati-hati oleh Defendan sebagai Pihak Berkuasa Tempatan terhadap Plaintiff;
- (b) sama ada Defendan telah mengingkari kewajipan statutori dan/atau kewajipan berhati-hati sehingga menyebabkan kecederaan separa lumpuh terhadap Plaintiff;
- (c) sama ada Defendan telah melakukan kecuai dalam menyelenggara pokok-pokok kelapa di kawasan Pantai Chenang dan memastikan keselamatan pelancong-pelancong, pengguna-pengguna dan orang awam; dan
- (d) sekiranya dibuktikan Defendan adalah bertanggung, sama ada Plaintiff berhak kepada tuntutan ganti rugi yang diidamkan oleh Plaintiff.

ANALISIS, DAPATAN DAN KEPUTUSAN MAHKAMAH INI

Isu Pertama, Isu Kedua dan Isu Ketiga

[17] Mahkamah ini akan menjawab Isu Pertama, Isu Kedua dan Isu Ketiga secara bersekali.

[18] Berdasarkan seksyen 101 dan 102 Akta Keterangan 1950 [Akta 56] (selepas ini dirujuk sebagai “Akta Keterangan”), undang-undang adalah mantap bahawa beban pembuktian adalah terletak ke atas pihak yang menghendaki Mahkamah untuk memberikan penghakiman kepadanya. Peruntukan tersebut berbunyi seperti yang berikut:

“Burden of proof

101. (1) *Whoever desires any court to give judgment as to any legal right or liability*, dependent on the existence of facts which he asserts, *must prove that those facts exist*.

(2) When a person is bound to prove the existence of any fact, it is said that the burden of proof lies on that person.

On whom burden of proof lies

102. The burden of proof in a suit or proceeding lies on that person who would fail if no evidence at all were given on either side.”.

[Penekanan ditambah]

[19] Prinsip undang-undang ini telahpun diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Letchumanan Chettiar Alagappan @ L Allagappan (as executor to SL Alameloo Achi alias Sona Lena Alameloo Acho, deceased) & Anor v Secure Plantation Sdn Bhd* [2017] 4 MLJ 697. Dalam penghakiman yang disampaikan oleh Jeffrey Tan FCJ, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan seperti yang berikut:

“[49] The expression ‘onus of proof’ does not appear in the Evidence Act. Only the expression ‘burden of proof’ appears in ss 101-103 of the Evidence Act. But there is a difference between the sense of the expression ‘burden of proof’ in s 101 and the sense of that same expression in s 102.

[50] In *International Times & Ors v Leong Ho Yuen* [1980] 2 MLJ 86, Salleh Abas FCJ (as he then was), delivering the judgment of the court, said that ***the first sense of the expression ‘burden of proof’ in s 101 is the burden to establish the case which rests throughout on the party who asserts the affirmative of the issue, while the second sense of the expression ‘burden of proof’ in s 102 is the burden to adduce evidence***:

For the purpose of this appeal it is necessary to bear in mind the distinction between the two senses in which the expressions burden of proof and onus of proof are used (*Nanji & Co v Jatashankar Dossa & Ors* AIR 1961 SC 1474 1748 and *Raghavamma v Chenchamma* AIR 1964 SC 136-143). The first sense, signified by the expression burden of proof such as referred to in s 101 of the Evidence Act is the burden of establishing a case and this rests throughout the trial on the party who asserts the affirmative of the issue. The appellants in the present appeal relied on

justification and fair comment. Therefore, the burden of proving these defences rests entirely upon them (*Gatley on Libel and Slander* 7th Ed, paras 351 and 354). The second sense referred to as onus of proof, on the other hand, relates to the responsibility of adducing evidence in order to discharge the burden of proof. The onus as opposed to burden is not stable and constantly shifts during the trial from one side to the other according to the scale of evidence and other preponderates. Such shifting is one continuous process in the evaluation of evidence. **According to ss 102 and 103 of the Evidence Act, if the party with whom this onus lies** whether initially or subsequently as a result of its shifting **does not give any or further evidence or gives evidence which is not sufficient, such party must fail.** It is this onus that we are concerned with in the present appeal.

[51] 'There is an essential distinction between burden of proof and onus of proof, **burden of proof lies upon the person who has to prove a fact and it never shifts**, but the onus of proof shifts' (*Addagada Raghavamma And Anr v Addagada Chenchamma And Anr* 1964 SCR (2) 933).

[52] **The 'burden of proof' in s 101 is the burden to establish a case which rests throughout on the party who asserts the affirmative of the issue. The 'burden of proof' in s 102 is the burden to adduce evidence**, to make out or rebut the claim. The 'burden of proof' in s 102 shifts from one side to the other according to the weight of the evidence. To differentiate the sense used, the 'burden of proof' in s 101 is 'burden of proof', while the 'burden of proof' in ss 102 and 103 is dubbed 'onus of proof'. **In some jurisdictions, the s 101 'burden of proof' is labelled 'legal burden' while the s 102 burden of proof' is referred to as 'evidential burden'.**

[53] In *Ranchhodbhai Somabhai And Anr v Babubhai Bhailalbai And Ors* AIR 1982 Guj 308, **P Desai and S Majmudar thus illustrated the 'burden of proof' to establish the case which never shifts and the shifting burden to adduce evidence in the context of ss 101 and 102 of the Indian Evidence Act which are identical to ss 101 and 102 of the Evidence Act:**

It is also well to bear in mind that there is an essential distinction between 'burden of proof' and 'onus of proof'; **burden of proof lies upon the person who has to prove a fact and it never shifts**, but the onus of proof shifts. Such a shifting of onus is a continuous process in the evaluation of evidence (see *Raghavamma v Chenchamma* AIR 1964 SC 136). Burden of proof has two distinct meanings, namely, (i) the burden of proof as a matter of law and pleadings, and (ii) the burden of proof as a matter of adducing evidence. Section 101 of the Evidence Act deals with the former and Section 102 of the Evidence Act with the latter. The first remains constant but the second shifts. In a claim application, therefore, the burden of proof, in the first sense, certainly lies on the claimant. If he examines himself and his witness, if any, and if the evidence, tested in the light of the principles set out above, is found to be acceptable, the onus shifts on the tortfeasor to prove those circumstances, if any, which dislodge the assertions of the claimants. If the tortfeasor fails to prove before the Court any fact or circumstance which tends to affect the evidence led by the claimant, the claimant would be entitled to ask the Court to hold that he has established the case and, on that basis, to make a just award it would thus appear, that though the legal burden — the burden as a matter of law and pleadings — remains constant on the claimant, the burden as a matter of adducing evidence changes often times as the trial of the claim petition progresses.

[54] **Section 101(1) provides that 'Whoever desires any court to give judgment as to any legal right or liability, dependent on the existence of facts which he asserts, must prove that those facts exist'. 'Section 101 states that the initial burden of proving a prima facie case in his favour is cast on the plaintiff ...'** (Woodroffe and Amir Ali, *Law of Evidence* (19th Ed Vol 3) at p 3194). **Illustration (b) to s 101 puts it beyond doubt that the 'burden of proof' rests throughout on the plaintiff.** Section 102 provides that 'The burden of proof in a suit or proceeding lies on that person who would fail if no evidence at all were given on either side'. 'The initial onus of proving the case is always on the plaintiff' (*Sarkar Law of Evidence* 16th Ed at p 1593). Illustration (a) to s 102 puts it beyond doubt that a plaintiff has the initial onus of proof.

[55] But 'when (the plaintiff) gives such evidence as will support a prima facie case, the onus shifts on to the defendant, to adduce rebutting evidence to meet the case made out by the plaintiff. As the case continues to develop, the onus may shift back again to the plaintiff. It is not easy to decide at what particular stage, in the course of the evidence, the onus shifts from one side to the other. When after the entire evidence has been adduced, the tribunal feels it cannot make up its mind as to which of the versions is true, it will hold that the party on whom the burden lies has not discharged the burden, but if it has, on the evidence, no difficulty arriving at a definite conclusion, then the burden of proof on the pleading recedes into the background' (Woodroffe and Amir Ali, at p 3194; see also *Abrath v The North Eastern Railway Company* at p 452). '... the onus of proof may shift ... but the question must ultimately arise whether the person who is bound to prove the affirmative

of the issue ... has discharged ... that burden' (*Jane Wakelin v The London and South Western Railway Company* [\[1886\] 12 App Cas 41](#)  per Lord Halsbury LC) or proved 'his case sufficiently to justify a judgment in his favour' (*Stoney v Eastbourne Rural District Council* [\[1927\] 1 Ch 367](#)  at p [397](#)  per Lord Hanworth MR).

[56] Thus, a plaintiff has both the burden of proof as well as the initial onus of proof. In *Bristone Pte Ltd v Smith & Associates Far East, Ltd* [\[2007\] 4 SLR 855](#), the Singapore Court of Appeal per VK Rajah JCA, delivering the judgment of the court, explained that at the start of the plaintiff's case the burden of proof and the onus of proof coincide:

... at the start of the plaintiff's case, the legal burden of proving the existence of any relevant fact that the plaintiff must prove and the evidential burden of some (not inherently incredible) evidence of the existence of such fact coincide. Upon adduction of that evidence, the evidential burden shifts to the defendant, as the case may be, to adduce some evidence in rebuttal. If no evidence in rebuttal is adduced, the court may conclude from the evidence of the defendant. If, on the other hand, evidence in rebuttal is adduced, the evidential burden shifts back to the plaintiff. If, ultimately, the evidential burden comes to rest on the defendant, the legal burden of proof of the relevant fact would have been discharged by the plaintiff. The legal burden of proof — a permanent and enduring burden — does not shift. A party who has the legal burden of proof on any issue must discharge it throughout. Sometimes, the legal burden is spoken of, inaccurately, as 'shifting'; but what is truly meant is that another issue has been engaged, on which the opposite party bears the legal burden of proof.

[57] The rule is that 'the onus of proof of any particular fact lies on the party who alleges it, not on him who denies it; et incumbit probatio qui dicit, non qui negat, Actori incumbit probatio ... The plaintiff is bound in the first instance, to show a prima facie case, and if he leaves it imperfect, the court will not assist him. Hence the maxim *Potior est conditio defendantis*. **A plaintiff cannot obviously advantage himself by the weakness of the defence. A plaintiff's case must stand or fall upon the evidence adduced by him.** When, however, the defendant, or either litigant party, instead of denying what is alleged against him, relies on some new matter which, if true, is an answer to it, the burden of proof changes sides; and he, in his turn, is bound to show a prima facie case at least and, if he leaves it imperfect, the court will not assist him. *Reus excipiendo fit actor*' (Woodroffe and Amir Ali, Vol 3 at pp 3190-3191).".

[Penekanan ditambah]

[20] Selanjutnya, dalam kes *Keruntum Sdn Bhd v The Director of Forests & Ors* [\[2017\] 3 MLJ 281](#), Mahkamah Persekutuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Hasan Lah FCJ telah memutuskan bahawa –

"[76] Based on the evidence before the court, we agree with the High Court that the plaintiff had not adduced sufficient evidence to prove that the second defendant knew about the Ming Court affair before or at the time he made the decision to revoke the plaintiff's licences so as to shift the onus of proof to the defence. On the other hand, there was clear evidence that there was a transfer of controlling interests in the plaintiff company without the consent of the Director of Forests and the plaintiff had clearly breached s 2(2)(b) of the Ordinance.

[77] The plaintiff's allegation that the revocation of its licence was done for a political or collateral purpose and the defendants had committed the tort of misfeasance in public office could only be proven if it was proved that the second defendant was aware of the Ming Court affair at the time the decision was made to revoke the plaintiff's licence. The plaintiff's failure to prove the second defendant's knowledge of the Ming Court affair had resulted in its failure to prove its pleaded case that the revocation of the licence was done for a political or collateral purpose and the tort of misfeasance in public office against the defendants at the end of its case and as such the evidential burden had not been shifted to the defence. As such there was no duty on the defendants, especially the second defendant, to refute the plaintiff's allegation by way of oral evidence.

[78] It is settled law that the burden of proof rests throughout the trial on the party on whom the burden lies. Where a party on whom the burden of proof lies, has discharged it, then the evidential burden shifts to the other party (see *UN Pandey v Hotel Marco Polo Pte Ltd* [\[1980\] 1 MLJ 4](#)). When the burden shifts to the other party, it can be discharged by cross-examination of witnesses of the party on whom the burden of proof lies or by calling witnesses or by giving evidence himself or by a combination of the different methods. See *Tan Kim Khuan v Tan Kee Kiat (M) Sdn Bhd* [\[1998\] 1 MLJ 697](#).

[79] The findings made by the learned trial judge are mainly findings of facts and he gave credible reasons for his findings. He had the benefit of hearing testimonies and observing the demeanour of the witnesses. Those findings of facts were affirmed by the Court of Appeal. It would need very clear and convincing reasoning to justify us to reverse what has already

been decided. We have looked at those findings of facts by the learned trial judge and the detail reasons given by him and we are satisfied that, on the facts of the case, any reasonable tribunal would have made similar findings.

[80] We find it unnecessary to answer the first question of law posed in this appeal because on the facts of this case there was no duty on the defendants to give evidence in their defence.”.

[Penekanan ditambah]

[21] Berdasarkan nas-nas undang-undang di atas adalah jelas bahawa beban pembuktian sesuatu fakta dalam kes sivil adalah terletak di bahu pihak Plaintiff pada setiap masa dan bukannya ke atas Defendan dan ia hendaklah dibuktikan oleh Plaintiff atas imbalan kebarangkalian (*“The rule is that the onus of proof of any particular fact lies on the party who alleges it, not on him who denies it... The plaintiff is bound in the first instance, to show a prima facie case, and if he leaves it imperfect, the court will not assist him... A plaintiff cannot obviously advantage himself by the weakness of the defence. A plaintiff's case must stand or fall upon the evidence adduced by him.”*) – lihat *Letchumanan Chettiar Alagappan @ L Allagappan (as executor to SL Alameloo Achi alias Sona Lena Alameloo Acho, deceased) & Anor v Secure Plantation Sdn Bhd (supra)*. Kegagalan Plaintiff untuk berbuat demikian akan menyebabkan tuntutan Plaintiff ditolak oleh Mahkamah.

[22] Setelah Mahkamah ini meneliti dan menilai segala keterangan saksi-saksi Plaintiff, Mahkamah ini berpuas hati dan mendapati bahawa Plaintiff telah gagal membuktikan atas imbalan kebarangkalian yang kawasan di mana pokok kelapa di Pantai Chenang itu tumbang dan menimpa Plaintiff dan menyebabkan kecederaan kepada Plaintiff itu berada di bawah kawalan, seliaan dan selenggaraan Defendan. Sehubungan dengan itu, Mahkamah ini berpendapat, *inter alia*, bahawa –

- (a) Plaintiff telah gagal membuktikan bahawa sebagai Pihak Berkuasa Tempatan, Defendan mempunyai kewajipan statutori dan/atau kewajipan berhati-hati terhadap Plaintiff;
- (b) Plaintiff telah gagal membuktikan bahawa Defendan telah mengingkari kewajipan statutori dan/atau kewajipan berhati-hati sehingga menyebabkan kecederaan separa lumpuh terhadap Plaintiff; dan
- (c) Plaintiff telah gagal membuktikan bahawa Defendan telah melakukan kecuai dalam menyelenggara pokok-pokok kelapa di kawasan Pantai Chenang dan memastikan keselamatan pelancong-pelancong, pengguna-pengguna dan orang awam.

[23] Memandangkan Plaintiff telah gagal membuktikan bahawa kawasan di mana pokok kelapa di Pantai Chenang itu tumbang dan menimpa Plaintiff terletak di bawah kawalan, seliaan dan selenggaraan Defendan, maka boleh diandaikan bahawa kawasan itu dimiliki oleh orang perseorangan, syarikat, firma atau perniagaan. Sekiranya fakta ini benar, maka pokok-pokok kelapa di kawasan itu sepatutnya berada di bawah kawalan, seliaan dan selenggaraan orang perseorangan, syarikat, firma atau perniagaan tersebut.

[24] Selanjutnya, memandangkan Plaintiff telah gagal membuktikan bahawa kawasan di mana pokok kelapa di Pantai Chenang itu tumbang dan menimpa Plaintiff terletak di bawah kawalan, seliaan dan selenggaraan Defendan, maka Plaintiff tidak boleh menyalahkan dan/atau meletakkan tanggungjawab dan liabiliti ke atas Defendan untuk menanggung segala ganti rugi atas kecederaan yang dialami oleh Plaintiff akibat ditimpa oleh pokok kelapa yang tumbang di kawasan tersebut.

[25] Pada pendapat Mahkamah ini, sebagai Pihak Berkuasa Tempatan, tanggungjawab, kawalan, seliaan dan selenggaraan Defendan terhadap pokok-pokok kelapa dan pokok-pokok lain di Pulau Langkawi hanyalah terhadap pokok-pokok yang berada dalam kawasan atau radius yang telah ditetapkan dan/atau diwartakan sebagai kawasan di bawah kawalan, seliaan, selenggaraan dan pemantauan Defendan, iaitu sebagaimana yang telah dijelaskan dalam keterangan SD1 dan SD2.

[26] Mengenai perkara ini Mahkamah ini berpendapat bahawa adalah tidak munasabah dan tidak masuk akal untuk meletakkan segala tanggungjawab kepada Defendan untuk menjaga, mengawal dan memantau semua pokok kelapa dan buah kelapa di seluruh Bandaraya Langkawi bagi memastikan pokok-pokok itu tidak tumbang dan menimpa pelancong-pelancong, pengguna-pengguna dan orang awam, apatah lagi jika pokok-pokok dan buah-buah kelapa itu milik orang perseorangan, syarikat, firma atau perniagaan dan terletak dalam kawasan milik oleh orang perseorangan, syarikat, firma atau perniagaan.

[27] Justeru, pada pendapat Mahkamah ini, adalah penting untuk Plaintiff membuktikan terlebih dahulu sama ada kawasan di mana Plaintiff ditimpa pokok kelapa tumbang itu terletak dalam kawasan di bawah kawalan, seliaan,

selenggaraan dan pemantauan Defendan atau terletak dalam kawasan di bawah kawalan, seliaan dan selenggaraan orang perseorangan, syarikat, firma atau perniagaan. Namun, malangnya perkara ini telah gagal dibuktikan oleh Plaintiff sehingga Plaintiff menutup kesnya.

[28] Selanjutnya, Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan Defendan bahawa Plaintiff sebagai individu juga mempunyai tanggungjawab untuk sentiasa berhati-hati dan memastikan bahawa dirinya sentiasa berada dalam keadaan selamat dan tidak berada dalam situasi yang boleh mencederakan, mengancam dan/atau membahayakan keselamatan diri dan nyawanya.

[29] Dalam kes ini, memandangkan pada malam kejadian tersebut angin bertiup kencang, maka sebagai seorang yang munasabah (*reasonable man*), Plaintiff tidak sepatutnya berada di bawah pokok kelapa pada masa itu kerana ia boleh mendedahkan Plaintiff kepada perkara-perkara yang boleh mencederakan, mengancam dan/atau membahayakan keselamatan diri dan nyawa Plaintiff. Oleh itu, pada pendapat Mahkamah ini, kecederaan yang menimpa Plaintiff tersebut adalah berpunca daripada kecuaiannya Plaintiff sendiri dan bukannya Defendan.

[30] Berdasarkan alasan-alasan di atas, Mahkamah ini menjawab isu-isu yang berbangkit seperti yang berikut:

- (a) Isu Pertama dijawab sebagai tidak, iaitu tiada terdapat kewajipan statutori dan/atau kewajipan berhati-hati oleh Defendan sebagai Pihak Berkuasa Tempatan terhadap Plaintiff;
- (b) Isu Kedua dijawab sebagai tidak, iaitu Defendan tiada mengingkari kewajipan statutori dan/atau kewajipan berhati-hati sehingga menyebabkan kecederaan separa lumpuh terhadap Plaintiff; dan
- (c) Isu Ketiga dijawab sebagai tidak, iaitu Defendan tiada melakukan kecuaiannya dalam menyelenggara pokok-pokok kelapa di kawasan Pantai Chenang dan memastikan keselamatan pelancong-pelancong, pengguna-pengguna dan orang awam.

Isu Keempat

[31] Memandangkan Plaintiff telah gagal membuktikan bahawa Defendan adalah bertanggungjawab dalam tindakan ini, maka Mahkamah ini berpendapat bahawa Plaintiff tidak berhak kepada tuntutan ganti rugi yang dihidang oleh Plaintiff tersebut.

KESIMPULAN

[32] Berdasarkan alasan-alasan di atas, Mahkamah ini telah menolak tuntutan Plaintiff terhadap Defendan dengan kos sebanyak RM10,000.00.